

SULIT & PERSENDIRIAN

Rujukan Kami : AJH/HR/AY/2024/08/28/15

Rujukan Tuan :

Tarikh : 28 OGOS 2024

Kepada

UNIT KEMASUKAN DAN REKOD PELAJAR
BAHAGIAN PENGURUSAN AKADEMIK
JABATAN PENDAFTAR UNIMAP
TKT. 3, BANGUNAN KWSP, JALAN BUKIT LAGI,
01000 KANGAR, PERLIS
(u.p. Unit Perhubungan dan Latihan Industri/ Pensyarah/ Koordinator Kursus)

Tuan/Puan,

PER: PELUANG MEMBUAT LATIHAN INDUSTRI DI AKADEMI JIWA HAMBAA

Perkara di atas adalah dirujuk.

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa kami, Akademi Jiwa Hamba merupakan sebuah syarikat yang bermatlamatkan dakwah dan pendidikan al-Quran, yang antara lainnya melibatkan penganjuran program-program ilmiah seperti Seminar Restart Hidup, Seminar Demi Akhirat dan beberapa produk Syarikat yang lain. Info lanjut boleh layari www.jiwahamba.com.

Kami sedang mencari pelajar praktikal yang kreatif, bersemangat dan berinovasi untuk membantu kami dalam menggerakkan usaha jualan dan pemasaran produk Syarikat ke tahap yang lebih tinggi. Untuk makluman, elaan juga disediakan selain peluang menguruskan program yang berimpak tinggi melibatkan ribuan orang dan jualan jutaan ringgit.

Berikut merupakan bidang-bidang yang ditawarkan untuk latihan industri:

Bidang : Reka Grafik, Jualan & Pemasaran, HR, Admin, Kewangan dan Pengurusan Projek/Pejabat

Lokasi : Akademi Jiwa Hamba, Vista Kirana, 75450 Ayer Keroh (bersebelahan 99 Speedmart)

Tempoh : tertakluk kepada pihak Institut

Sehubungan itu, kami amat berbesar hati sekiranya pihak Tuan/Puan dapat membuat hebahan ini kepada seluruh warga Universiti terutamanya para pensyarah dan mahasiswa/mahasiswi yang sedang mencari tempat untuk membuat latihan industri dalam bidang berkaitan.

Sekiranya berminat, mahasiswa/mahasiswi boleh menghantar resume dan surat permohonan mereka kepada akademijawahamba@gmail.com. Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi **017-2922460 (Ain/HR)**. Segala jasa baik daripada pihak Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

SEMPURNAKAN IBADAT, SELAMAT DI AKHIRAT

Yang benar,

NUR AIN YAHYA

Pengurus Sumber Manusia

Akademi Jiwa Hamba

No 22-1, Jalan Kompleks Niaga Vista Kirana 1,

Kompleks Niaga Vista Kirana, Ayer Keroh, 75450, Melaka

017-2922460/ 011-1639 6353/ 010-306 7806/ 010-306 7823

S.k. USTAZ MOHD HAKIM MOHD NOR
 KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
 AKADEMI JIWA HAMBA

AKADEMI JIWA HAMBA

NO 22-1, JALAN KOMPLEKS NIAGA VISTA KIRANA 1, KOMPLEKS NIAGA VISTA KIRANA, 75450, AYER KEROH, MELAKA

TEL: 010-3067806/ 011-16396353/ 010-3067823

E-MAIL: akademjiwahamba@gmail.com

SEMPURNAKAN IBADAT, SELAMAT DI AKHIRAT